

MPOB komited lahir saintis tempatan

» GSAS ditubuh untuk bangun kepakaran dalam sektor sawit

Oleh Suraya Haron
suraya@mpob.gov.my

Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus komited melahirkan saintis dan penyelidik tempatan bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui skim pembiayaan latihan serta perkongsian maklumat penyelidikan yang berterusan.

Dr Choo berkata, sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan sejak lebih 30 tahun lalu, MPOB mempunyai ke-

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, sejajar Program Transformasi Kerajaan, usaha membangunkan modal insan bagi meningkatkan keupayaan serta ekonomi, MPOB menubuhkan GSAS yang memberi tumpuan kepada pembangunan kepakaran dalam sektor sawit.

“Ia juga mendokong usaha dan aspirasi Kerajaan Malaysia ke arah peningkatan modal insan kelas pertama”, katanya dalam ucapan perasmian Seminar Graduate Students Assistantship Scheme (GSAS) 2015 anjuran MPOB yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Bioteknologi dan Biakbaka MPOB, Dr Ravigadevi Sambanthamurthi.

Dr Choo berkata, sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan sejak lebih 30 tahun lalu, MPOB mempunyai ke-



Sebahagian pelajar yang menyertai **seminar GSAS 2015** anjuran MPOB.

pakaran dalam pelbagai bidang penyelidikan berkaitan sawit.

GSAS lahir saintis muda

Katanya, GSAS memberi peluang kepada pelajar cemerlang untuk menjalani latihan dan pengajian pada peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran bagi melahirkan saintis muda dalam pelbagai bidang berkaitan sawit.

“Sejak penubuhan skim pada 1995, seramai 122 pelajar dari pada 201 pelajar yang ditaja telah menamatkan pengajian dan kini

menyumbang kepakaran masing-masing dalam pelbagai sektor ekonomi negara termasuk pertanian, universiti dan industri sawit termasuk di MPOB.

Seminar tarik minat pelajar

Beliau berharap seminar ini akan menarik minat pelajar kerana ia menyediakan platform untuk berkongsi maklumat dan idea hasil penyelidikan masing-masing dengan MPOB, universiti dan pihak industri.

Seminar GSAS 2015 menarik pe-

nyertaan lebih 200 peserta terdiri pelajar universiti, ahli akademik dan penggiat industri sawit.

Enam kertas kerja dibentangkan oleh graduan tajaan MPOB di bawah program GSAS yang berjaya menamatkan pengajian pada peringkat lepasan ijazah di universiti tempatan terdiri daripada Nordiana Hanim Mohd Nor (UKM), Ong Pei Wen (UPM), Normas Tasli Mohd Razali (UKM), Chang Chee Yan (UM), Che Hui Ling (UM) dan Premdass Ramdas (IMU).